بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

KEPENTINGAN TAUBAT DALAM MUNAJAT

MUNAJAT

Mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu wa Ta’ala dengan cara membanyakkan ibadat, zikir dan doa untuk mengharapkan Redha, keampunan dan pertolonganNya

TAUBAT

Berhenti melakukan kesalahan atau dosa yang dilakukan dan menyesali perbuatan tersebut serta berazam untuk tidak kembali melakukannya di masa yang akan datang.

TEMA MAJLIS ILMU

“MUNAJAT SENEGARA DENGAN TAUBAT”

TUNTUTAN UNTUK BERTAUBAT

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ تُوبُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا عَسَىٰ رَبُّكُمْ
أَن يُكَفِّرَ عَنكُمْ سَيِّـَٔاتِكُمْ وَيُدْخِلَكُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِى
مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ

Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kepada Allah dengan taubat nasuha, mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai.

(Surah at-Tahrim: 8)

يَا أَيُّهَا النَّاسُ تُوبُوا إِلَى اللهِ فَإِنِّي أَتُوْبُ فِي الْيَوْمِ إِلَيْهِ مِائَةَ مَرَّةٍ

Wahai manusia! Bertaubatlah kepada Allah, kerana sesungguhnya aku bertaubat kepadaNya dalam sehari seratus kali.

(Hadits riwayat Muslim)

TAUBAT PENGHAPUS DOSA

التَّائِبُ مِنَ الذَّنْبِ كَمَنْ لَا ذَنْبَ لَهُ.

Orang yang bertaubat itu adalah seumpama orang yang tidak ada dosa baginya.

(Hadits riwayat Ibn Majah)

PINTU TAUBAT TERBUKA LUAS

قُلْ يَٰعِبَادِىَ ٱلَّذِينَ أَسْرَفُوا۟ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا۟
مِن رَّحْمَةِ ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ جَمِيعًا ۚ إِنَّهُۥ هُوَ
ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ

Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai hamba-hambaKu yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat)! Janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa. Sesungguhnya Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Pengasih."

(Surah az-Zumar: 53)

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يَبْسُطُ يَدَهُ بِاللَّيْلِ لِيَتُوبَ مُسِيءُ النَّهَارِ، وَيَبْسُطُ يَدَهُ بِالنَّهَارِ لِيَتُوبَ مُسِيءُ اللَّيْلِ، حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ مِن مَغْرِبِهَا

Sesungguhnya Allah Ta'ala membentangkan tanganNya pada waktu malam untuk menerima taubat dari hamba yang berbuat kesalahan di siang hari, dan mebentangkan tanganNya pada siang hari untuk menerima taubat dari hamba yang berbuat kesalahan di waktu malam, sehingga matahari terbit dari arah Barat.

(Hadits riwayat Muslim)

إِنَّ اللهَ يَقْبَلُ تَوْبَةَ الْعَبْدِ مَا لَمْ يُغَرْغِرْ

Sesungguhnya Allah menerima taubat seorang hamba selagimana (rohnya) belum sampai ke halqum.

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

TIDAK BOLEH BERPUTUS ASA DARI BERTAUBAT

“ALLAH MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENGASIH”

KISAH TAUBAT PEMBUNUH 100 ORANG

KEPENTINGAN TAUBAT DALAM MUNAJAT

يَا رَبِّ، يَا رَبِّ، وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ، وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ، وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ، وَغُذِيَ بِالْحَرَامِ، فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لِذَلِكَ؟

Ya Tuhanku! Ya Tuhanku! Sedang makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram dan dia diberi makan dengan benda yang haram, maka bagaimanakah hendak diterima (doanya) kerana keadaan sedemikian?

(Hadits riwayat Muslim)

MENGENAL MAKANAN, MINUMAN & PAKAIAN YANG HARAM

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ ٱلْمَيْتَةُ وَٱلدَّمُ وَلَحْمُ ٱلْخِنزِيرِ وَمَآ أُهِلَّ لِغَيْرِ ٱللَّهِ بِهِۦ
وَٱلْمُنْخَنِقَةُ وَٱلْمَوْقُوذَةُ وَٱلْمُتَرَدِّيَةُ وَٱلنَّطِيحَةُ وَمَآ أَكَلَ
ٱلسَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى ٱلنُّصُبِ وَأَن تَسْتَقْسِمُوا۟
بِٱلْأَزْلَٰمِ ۚ ذَٰلِكُمْ فِسْقٌ ۗ

Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang mengalir), dan daging babi (termasuk semua anggotanya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul, dan yang mati jatuh dari tempat yang tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), dan yang disembelih atas nama berhala, dan (diharamkan juga) kamu mengundi nasib dengan undi batang-batang anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasiq.

(Surah al-Ma'idah: 3)

كُلُّ مُسْكِرٍ خَمْرٌ، وَكُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ

Setiap yang memabukkan adalah khamr dan setiap yang memabukkan adalah haram.

(Hadits riwayat an-Nasa’ie)

PAKAIAN YANG DIHARAMKAN

لَعَنَ رَسولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عليه وسلَّمَ المُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بالنِّسَاءِ، والمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بالرِّجَالِ

Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam melaknat orang lelaki yang menyerupai wanita dan wanita yang menyerupai orang lelaki.

(Hadits riwayat al-Bukhari)

أُحِلَّ الذَّهَبُ والحريرُ لإناثِ أُمَّتي، وحُرِّمَ على ذُكورِها

Emas dan sutera itu dihalalkan bagi wanita dari umatku, dan diharamkan bagi lelakinya (dari umatku).

(Hadits riwayat An-Nasa’ie)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ قُل لِّأَزۡوَٰجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَآءِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ يُدۡنِينَ
عَلَيۡهِنَّ مِن جَلَٰبِيبِهِنَّۚ ذَٰلِكَ أَدۡنَىٰٓ أَن يُعۡرَفۡنَ فَلَا يُؤۡذَيۡنَۗ

Wahai Nabi! Suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya mereka memakai jilbab (pakaian yang labuh dan longgar yang menutup aurat selain muka dan dua tapak tangan) mereka bagi menutup seluruh tubuh mereka (semasa keluar rumah). Yang demikian itu lebih mudah untuk mereka dikenali supaya mereka tidak diganggu.

(Surah al-Ahzab: 59)

“MAKANAN DAN MINUMAN HARAM MENGHALANG MASUK SYURGA DAN MEMBAWA KE NERAKA”

“PERKARA SYUBHAH BOLEH MENJADI HARAM”

إِنَّ الْحَلاَلَ بَيِّنٌ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ وَبَيْنَهُمَا أُمُوْرٌ مُشْتَبِهَاتٌ لاَ يَعْلَمُهُنَّ كَثِيْرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنِ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ فَقَدْ اسْتَبْرَأَ لِدِيْنِهِ وَعِرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ، كَالرَّاعِي يَرْعَى حَوْلَ الْحِمَى يُوْشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيْهِ، أَلاَ وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمًى أَلاَ وَإِنَّ حِمَى اللهِ مَحَارِمُهُ أَلاَ وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلاَ وَهِيَ الْقَلْبُ

Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas. Di antara keduanya terdapat perkara-perkara yang syubhah (samar-samar) yang tidak diketahui oleh orang banyak. Maka sesiapa yang takut terhadap syubhah bererti dia telah menyelamatkan ugamanya dan kehormatannya, dan sesiapa yang terjerumus dalam perkara syubhah, maka dia akan terjerumus ke dalam perkara yang diharamkan sebagaimana penggembala yang menggembalakan haiwan gembalaannya di sekitar (ladang) yang dilarang untuk memasukinya, maka lambat laun dia akan memasukinya. Ketahuilah bahwa setiap raja memiliki larangan dan larangan Allah adalah apa yang diharamkannya. Ketahuilah bahawa dalam diri ini terdapat segumpal daging, jika baik maka baiklah seluruh tubuh ini dan jika ia buruk, maka buruklah seluruh tubuh; ketahuilah bahawa ia adalah hati.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

RISIKO ENGGAN BERTAUBAT

وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّـٰلِمُونَ

Dan (ingatlah) sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya), maka mereka adalah orang-orang yang zalim.

(Surah al-Hujurat: 11)

فَإِن يَتُوبُوا۟ يَكُ خَيْرًا لَّهُمْ ۖ وَإِن يَتَوَلَّوْا۟ يُعَذِّبْهُمُ ٱللَّهُ عَذَابًا أَلِيمًا
فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ ۚ وَمَا لَهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ مِن وَلِىٍّ وَلَا نَصِيرٍ

Jika mereka bertaubat, mereka akan beroleh kebaikan dan jika mereka berpaling (ingkar) Allah akan menyeksa mereka dengan azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat; dan mereka tidak akan mendapat sesiapapun di bumi ini, yang akan menjadi pelindung dan juga yang menjadi penolong.

(Surah at-Taubah: 74)

KEUNTUNGAN ORANG BERTAUBAT

- Menjadi orang-orang yang dikasihi Allah.
- Menjadi penolak azab Allah.
- Mendapat rezeki yang luas daripada Allah.
- Taubat membersihkan hati

LANGKAH KEHADAPAN

MEWUJUDKAN

GENERASI AHLI TAUBAT

مَنْ سَنَّ فِى الإِسْلاَمِ سُنَّةً حَسَنَةً فَعُمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كُتِبَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِ مَنْ عَمِلَ بِهَا وَلاَ يَنْقُصُ مِنْ أُجُورِهِمْ شَىْءٌ

Sesiapa melakukan suatu amalan yang buruk (jahat) lalu diamalkan oleh orang selepasnya, maka akan dicatat baginya dosa yang sama dengan dosa orang yang melakukannya, tanpa mengurangi dosa mereka sedikitpun."

(Hadits riwayat Muslim)

وَمَنْ سَنَّ فِى الإِسْلاَمِ سُنَّةً سَيِّئَةً فَعُمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كُتِبَ عَلَيْهِ مِثْلُ وِزْرِ مَنْ عَمِلَ بِهَا وَلاَ يَنْقُصُ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَىْءٌ

Sesiapa melakukan suatu amalan yang buruk (jahat) lalu diamalkan oleh orang selepasnya, maka akan dicatat baginya dosa yang sama dengan dosa orang yang melakukannya, tanpa mengurangi dosa mereka sedikitpun.

(Hadits riwayat Muslim)

BUKAN

“GENERASI KACANG LUPAKAN KULIT”

دَعَوُا۟ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ لَئِنْ أَنجَيْتَنَا مِنْ هَٰذِهِۦ لَنَكُونَنَّ
مِنَ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿٢٢﴾ فَلَمَّآ أَنجَىٰهُمْ إِذَا هُمْ يَبْغُونَ فِى ٱلْأَرْضِ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ ۗ

Mereka semua berdoa kepada Allah dengan tulus ikhlas kepadaNya semata-mata: "Demi sesungguhnya jika engkau (ya Allah) menyelamatkan kami daripada bahaya bencana ini, tentulah kami akan menjadi orang-orang yang bersyukur." Tetapi sebaik sahaja Allah menyelamatkan mereka, mereka terus berbuat kezaliman di muka bumi tanpa alasan yang benar.

(Surah Yunus: 22-23)

MENCAPAI HASRAT

بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ

Negeri yang baik (aman dan makmur) dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun.

(Surah Saba’: 15)

KESIMPULAN



- Munajat dilaksanakan dengan membanyakkan ibadat, zikir dan doa untuk memohon keampunan dan pertolongan Allah Subhanahu wa Ta‘ala. Manakala taubat pula ialah berhenti dari melakukan dosa yang telah dilakukan dan berazam untuk tidak melakukannya di masa yang akan datang.

- Taubat adalah tuntutan syara‘ yang perlu dilaksanakan dengan segera dan peluang untuk bertaubat terbuka luas bagi semua orang selagi nyawa belum berada di kerongkongan (halkum).

- Munajat perlu disertai dengan taubat kerana taubat mampu menghapuskan dosa yang mungkin menjadi penghalang makbulnya permohonan yang dipanjatkan melalui munajat.



- Enggan melakukan taubat akan merugikan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan juga negara kerana tidak mendapat redha Allah Subhanahu wa Ta‘ala dan pertolonganNya.

- Strategi susulan perlu dilaksanakan oleh pelbagai pihak terutama pihak berkuasa dalam kerajaan untuk mewujudkan “Generasi Ahli Taubat” sebagai kesinambungan usaha ke arah mengekalkan dan meningkatkan keamanan dan kesejahteraan hidup berugama, berbangsa dan bernegara di Negara Brunei Darussalam.

SEKIAN

TERIMA KASIH

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ
وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ